

Garis Panduan Kedai Runcit

1. Perniagaan kedai runcit hanya dibenarkan dijalankan dikawasan yang telah dirancang bagi tujuan tersebut dan telah diluluskan secara dasar oleh Majlis Perbandaran Bentong.
2. Bangunan premis hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa, mana-mana bahagian yang sudah kotor dan buruk hendaklah diperbaiki dan disapu cat/ kapur.
3. Kemudahan seperti tandas, bilik air, tempat basuh tangan, urinal dan sebagainya hendaklah disediakan dipremis dan hendaklah dijaga dalam keadaan baik memuaskan pada setiap masa.
4. Sekurang-kurangnya sebuah peti ubat kecemasan yang lengkap hendaklah disediakan.
5. Alat pemadam api yang cukup diakui oleh Pegawai Bomba hendaklah disediakan.
6. Menyediakan tong sampah yang secukupnya serta menggunakan karung plastik bagi pembuangan sampah perniagaan.
7. Tempat awam (kaki lima), longkang awam, lorong belakang, jalan susur dan sebagainya hendaklah bebas dari sebarang halangan pada setiap masa.
8. Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dipamer ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa.
9. Menyempurnakan syarat-syarat pelesenan yang tersebut di atas dalam tempoh 14 hari dari tarikh menerima surat serta mematuhi sepanjang tahun.
10. Memastikan dan mematuhi supaya barang-barang jualan disusun/ disimpan/ dibungkus dengan kemas pada setiap masa.
11. Memastikan bahawa tiada menjual barang-barang tin yang berkarat, barang-barang lama yang telah habis tempoh digunakan.
12. Mengambil permit menjual ikan dan sayur (jika ada) daripada Majlis.
13. Menentukan pemasangan iklan, mempunyai lesen daripada Majlis.
14. Memastikan penjualan barang **makanan halal** dan **tidak halal** diasingkan.
15. Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas atau tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan Majlis boleh mengambil tindakan kompaun atau tindakan mahkamah.
16. Adalah diigatkan Majlis Perbandaran Bentong boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi sebarang sebab. Selain dari

kehendak-kehendak dan syarat-syarat tersebut di atas, Majlis mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa kesemasa mengikut keadaan.

17. Bahan-bahan beracun seperti ubat serangga dan minyak tanah hendaklah diasingkan dari tempat menyimpan bahan makanan.
18. Menyediakan alat pemadam api yang diperakui oleh Pegawai Bomba dan Majlis Perbandaran Bentong tidak bertanggungjawab di atas sebarang risiko kebakaran.